AJIT SINGH MANGAL SINGH

v.

RAJAKUMAR MANGAL SINGH & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
SURIYADI HALIM OMAR H
[SAMAN PEMULA NO: 24-720-2003]
8 MARCH 2005

UNDANG-UNDANG KELUARGA: *Kanak-kanak - Pengangkatan - Permohonan untuk perintah deklarasi bahawa pemberian anak angkat kepada defendan adalah tidak sah dan terbatal - Sama ada defendan telah memungkiri akujanjji sewaktu pemberian anak angkat - Syarat-syarat pendaftaran pengangkatan de facto - Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, s. 6(1) - Sama ada syarat-syarat dipenuhi - Sama ada plaintif terikat dengan isi kandungan surat akuan berkanun keizinan pengangkatan - Sama ada plaintif diestop dari menuntut kembali anak tersebut - Kebajikan kanak-kanak - Sama ada pengangkatan seharusnya dikekalkan*

Plaintif telah memfailkan satu permohonan melalui saman pemula bagi perintah deklarasi bahawa pemberian anak angkat bernama Simran kepada defendan-defendan yang disokong oleh satu surat akuan berkanun keizinan pengangkatan ('AS2') adalah tidak sah dan terbatal, dan anak angkat tersebut perlu dipulangkan kepada plaintif, iaitu bapa kandung kepada kanak-kanak tersebut. Plaintif mendakwa bahawa defendan-defendan telah memungkiri akujanji sewaktu pemberian anak angkat apabila defendan berpindah mengakibatkan plaintif dan isterinya tidak dapat berjumpa lagi dengan kanak-kanak tersebut. Plaintif juga membuat dakwaan bahawa syarat-syarat pengangkatan di bawah s. 6 Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 adalah tidak dipenuhi.

Diputuskan (menolak permohonan plaintif):

[1] Mahkamah tidak terjumpa sebarang keterangan atau bukti yang menyokong dakwaan plaintif bahawa defendan-defendan berjanji untuk membenarkan plaintif dan isterinya terlibat dalam penjagaan pembesaran anak tersebut. Isi kandungan surat tuntutan plaintif ('AS4') juga hanya menyatakan bahawa plaintif dan isterinya dibenarkan melawat/visit anak tersebut sahaja. Dakwaan plaintif tentang isu ini hanya satu penyataan kosong tanpa sebarang bukti. (ms 532 a-b)

[2a] Menurut s. 6 Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, sesuatu pendaftaran pengangkatan *de facto* hanya boleh dilakukan apabila kanak-kanak tersebut telah berada di bawah jagaan sesuatu pasangan untuk tempoh masa berterusan selama dua tahun. Akuan berkanun eks. AS2 dengan jelas mengesahkan bahawa anak tersebut telah diserahkan kepada defendan pada 28 Jun 1999 sebagai anak angkat. Oleh itu, sewaktu pendaftaran anak angkat dibuat pada 19 Februari 2002, tempoh masa penjagaan berterusan selama dua tahun sepertimana kehendak s. 6 Akta telah dipenuhi. (ms 532 c & 533 a)

[2b] Seterusnya, peruntukan s. 6(1)(a) dan (b) Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 menggariskan di antara syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh pasangan yang ingin mendaftar pengangkatan *de facto* di mana pasangan suami isteri dan kanak-kanak berkenaan akan hadir di hadapan Pendaftar dan akan mengemukakan segala keterangan secara lisan atau dokumen yang boleh memuaskan pendaftar yang pengangkatan sedemikian benar-benar telah diadakan. Jika ibu bapa atau penjaga telah memberi persetujuan melalui perisytiharan statutori, maka kehadirannya atau mereka tidak diperlukan lagi. Berdasarkan akuan berkanun AS2, Pendaftar Anak Angkat telah memproses permohonan pengangkatan dan menggunakan budibicaranya untuk mengecualikan kehadiran plaintif dan isterinya. (ms 535 c-d)

[3] Selain daripada keterangan plaintif sendiri bahawa beliau menjaga dan menanggung anak tersebut sehingga Julai 2001, tiada bukti lain yang dapat menyokong keterangannya itu. Pihak plaintif dan pihak defendan di dalam kes ini mempunyai hubungan kekeluargaan dan rumah kediaman adalah berdekatan. Oleh itu, apabila kanak-kanak tersebut dilihat sentiasa berada di rumah plaintif, ianya bukanlah membuktikan bahawa plaintif menjaganya. Cubaan-cubaan yang dilakukan oleh plaintif bagi menafikan akuan berkanun AS2 yang ditandatangani oleh plaintif dan isterinya sendiri seperti tidak memahami isi kandungan, buta huruf serta diperdaya oleh defendan adalah tidak benar sama sekali. Oleh itu plaintif adalah terikat dengan isi kandungan akuan berkanun tersebut. Mengambilkira juga keseluruhan fakta-fakta yang terdapat di dalam kes ini, pengangkatan ini seharusnya dikekalkan untuk kebaikan serta kebajikan kanak-kanak tersebut. Malah, plaintif sebenarnya diestop dari menuntut kembali anak ini berdasar akuan berkanun AS2. (ms 534 a, d-e & 536 a, e)

Permohonan plaintif untuk membatalkan pemberian anak angkat kepada defendan-defendan ditolak dengan kos; akses yang munasabah diberi kepada plaintif untuk melawat kanak-kanak tersebut.]

Kes-kes yang dirujuk:
Re Baby M (an infant) (adoption consent) [1994] 3 CLJ 108 ***(refd)***
Re G (An Infant) [1963] 2 QB 73 ***(refd)***
Re SS 1 MLJ [1975] ***(refd)***
Tang Kong Meng v. Zainon Md Zain & Anor [1995] 4 CLJ 409 HC ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:
Registration of Adoptions Act 1952, s. 6(1)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Halsbury's Laws of England, p 413, para 729

Bagi pihak plaintif - Pramjeet Kaur; T/n Mann & Assoc
Bagi pihak defendan - M Sathia; T/n M Sathia & Assoc

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Suriyadi Halim Omar H:
Pada 26 Jun 1999 isteri plaintif telah melahirkan seorang bayi perempuan yang dinamakan Simran. Plaintif telah memberikan kanak-kanak tersebut kepada defendan-defendan sebagai anak angkat. Defendan pertama adalah adik kandung kepada plaintif dan defendan kedua pula ialah isteri defendan pertama yang sah.

Pemberian anak angkat ini telah disokong oleh satu surat akuan berkanun keizinan pengangkatan (encl. 2 eks. AS2) yang telah ditandatangani oleh plaintif dan isterinya pada 29 Jun 2000. Seterusnya, pada 19 Februari 2002, kanak-kanak tersebut telah didaftarkan sebagai anak angkat defendan-defendan dengan persetujuan Pendaftar Anak Angkat, Jabatan Pendaftaran Negeri, Daerah Klang serta namanya telah ditukarkan ke Manisha a/p Raja Kumar.

Semenjak plaintif memberikan kanak-kanak tersebut kepada defendan-defendan, tiada sebarang masalah yang berlaku sehinggalah dalam bulan April 2002, apabila plaintif mendapat tahu bahawa defendan-defendan berniat hendak berpindah ke tempat lain bersama kanak-kanak tersebut. Plaintif mendakwa bahawa sewaktu pemberian anak tersebut kepada defendan-defendan, wujud satu akujanji oleh defendan-defendan yang membenarkan plaintif dan isterinya untuk terlibat sama di dalam penjagaan dan pembesaran kanak-kanak tersebut. Plaintif berpendapat, tindakan defendan-defendan untuk berpindah dari rumah mereka yang berhampiran (selang dua hingga tiga rumah) dengan rumah plaintif sebagai memungkiri janji tersebut.

Berikutan daripada itu, pada 16 April 2002 dan 17 April 2002, plaintif telah pergi ke rumah defendan-defendan untuk membawa balik kanak-kanak tersebut, tetapi defendan pertama enggan membenarkan plaintif bertemu mahupun membawa balik kanak-kanak tersebut. Di peringkat inilah, pertikaian di antara kedua-dua adik beradik ini bermula dan beberapa laporan polis telah dibuat oleh kedua-dua pihak.

Berdasarkan fakta kes ini, pada 25 Jun 2003, plaintif telah memfailkan suatu permohonan melalui saman pemula bagi perintah deklarasi bahawa, pemberian anak angkat bernama Simran kepada defendan-defendan adalah tidak sah dan terbatal, atau dibatalkan oleh mahkamah serta anak angkat tersebut dipulangkan kepada plaintif.

Seterusnya plaintif juga telah memfailkan saman dalam kamar (encl. 7) pada 17 Oktober 2003 bagi akses sementara dengan membawa balik anak tersebut ke rumah plaintif sehingga pelupusan tindakan ini.

Secara ringkasnya, plaintif mendakwa bahawa pemberian anak angkat kepada defendan-defendan adalah tidak sah dan terbatal kerana alasan-alasan berikut:

(i) defendan-defendan memungkiri akujanji/“agreement” sewaktu pemberian anak angkat;

(ii) syarat-syarat pengangkatan di bawah s. 6 Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 adalah tidak dipenuhi.

Di dalam tindakan ini, kedua-dua pihak telah memfailkan afidavit-afidavit dan penghujahan bertulis. Terdapat juga dua laporan sosial tentang latarbelakang setiap keluarga yang disediakan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat daerah Klang serta Wilayah Persekutuan. Di samping itu, pada 10 Disember 2004 satu sessi perjumpaan dengan kanak-kanak yang menjadi perebutan dalam kes ini telah diadakan di dalam kamar tanpa kehadiran pihak peguam.

Mengikut undang-undang keluarga Inggeris, pengangkatan ialah satu proses yang membolehkan mahkamah memutuskan perhubungan di antara seorang kanak-kanak dan ibu bapa kandungnya dan mewujudkan perhubungan yang serupa di antara dia dan pengangkatnya. Oleh itu, bukanlah satu perkara yang mudah bagi seseorang hakim untuk memutuskan tanpa perasaan, samada memulangkan kembali seseorang anak angkat kepada keluarga asalnya ataupun kekal bersama keluarga angkatnya tanpa sebarang pertimbangan terhadap lain-lain faktor.

Sessi Perjumpaan Dengan Kanak-kanak Tersebut

Melalui perantaraan seorang jurubahasa Punjabi, saya telah cuba untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak tersebut yang sewaktu itu berusia kira-kira 4 tahun 10 bulan. Walaupun tiada mana-mana peruntukkan undang-undang yang mengkehendaki saya untuk berjumpa dengan kanak-kanak tersebut kerana, segala permintaan atau kehendak kanak-kanak tersebut boleh dinyatakan melalui laporan kebajikan masyarakat yang dikemukakan. Namun saya berpendapat, di dalam kedudukan kes ini, ianya adalah bijak untuk saya berjumpa dan berkomunikasi dengan kanak-kanak ini *(Re G (An Infant)* [1963] 2 QB 73).

Usaha saya pada peringkat awalnya hampir-hampir gagal kerana kanak-kanak tersebut walaupun tidak takut namun, masih kebudak-budakan dan tidak mahu untuk berkata apa-apa. Beliau hanya mahu berkomunikasi apabila ibu angkatnya dipanggil untuk duduk bersama-sama beliau. Adalah satu perkara yang amat pasti hubungan kanak-kanak ini adalah sangat rapat dengan ibu angkatnya dan setiap masa kanak-kanak itu tidak mahu berenggang dengan ibu angkatnya. Pada peringkat ini, kanak-kanak tersebut telah juga menunjukkan gambar guru sekolah tadika beliau dan gambar dirinya sendiri. Walaubagaimanapun, untuk seketika kemudiannya beliau telah mula mencari-cari bapa angkatnya dan memanggil-manggil bapa angkatnya. Melihatkan senario ini, adalah tidak boleh dinafikan bahawa kanak-kanak tersebut amat menyayangi ibu bapa angkatnya.

Laporan Kebajikan Masyarakat

Terdapat dua laporan kebajikan masyarakat yang disediakan didalam kes ini. Laporan pertama disediakan oleh pegawai kebajikan masyarakat daerah Klang mengenai ibubapa kandung (plaintif). Laporan ini dimulakan dengan latar belakang plaintif dan juga pendapatannya iaitu, sebanyak RM3,000 sebulan sebagai pemandu bas sekolah. Isteri plaintif adalah seorang surirumah. Kedua-dua mereka mempunyai (3) tiga orang anak yang mana salah seorang daripadanya kini berada di India dan yang lain-lain menetap bersama-sama plaintif dan isterinya.

Keadaan rumah, adalah jenis yang sederet diperbuat daripada batu, beratap zing dan berlantai simen. Dahulunya kawasan ini adalah kawasan setinggan. Sebahagian daripada bangunan rumah tersebut (dibahagi kepada dua) disewakan kepada penghuni lain. Ia mempunyai dua bilik tidur, ruang tamu serta ruang dapur.

a Keadaan ekonomi keluarga ini adalah stabil. Ibu kandung Simran telah menyatakan yang ia ingin mengambil semula kanak-kanak tersebut daripada jagaan ibubapa angkat. Mereka tiada niat semenjak dulu untuk menyerahkan kanak-kanak tersebut kepada keluarga angkat. Mereka amat merindui dan menyayangi kanak-kanak tersebut.

b Seterusnya, laporan kedua disediakan oleh pegawai kebajikan masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengenai ibubapa angkat Simran (defendan). Laporan ini menyatakan latar belakang bapa angkat (defendan pertama) serta pekerjaannya sebagai seorang pemandu has sekolah selama 11 tahun sebelum ini, tetapi terpaksa mengundurkan diri setelah berlaku krisis *c* perebutan kanak-kanak ini. Sekarang beliau menjalankan perniagaan sendiri dengan menjual kain dan menindik telinga dengan perolehan sebanyak RM1,200 sebulan. Ibu angkat (defendan kedua) di dalam tindakan ini adalah seorang surirumah sepenuh masa, setelah mengambil keputusan untuk berhenti bekerja di kilang dengan pendapatan RM1,500 sebulan sebelumnya dengan *d* tujuan untuk memberi kasih sayang dan penjagaan sempurna kepada anak angkat tersebut.

Keadaan ekonomi keluarga ini secara umumnya adalah stabil. Bapa angkat mempunyai rumah sewa dengan kutipan RM800 sebulan dan, perolehan perniagaan dalam lingkungan RM1,500 sebulan. Tiada terdapat tanggungan *e* anak yang masih bersekolah. Dengan ini, sumber kewangan adalah stabil dan tiada hutang yang membebankan.

Keadaan perhubungan kanak-kanak tersebut dengan keluarga angkat tidak mendatangkan masalah, malah menceriakan rumahtangga mereka *f* memandangkan mereka langsung tidak mempunyai cahayamata. Kanak-kanak tersebut juga telah dapat diterima oleh ahli keluarga angkat yang turut menyayangi kanak-kanak ini dan langsung tidak membezakan kanak-kanak ini dengan ahli keluarga yang lain. Perhubungan kanak-kanak ini adalah begitu rapat dengan ibu bapa angkat dan difahamkan sekiranya kanak-kanak ini *g* ditinggalkan dalam tempoh masa tiga jam oleh ibubapa angkat bersama ahli keluarga yang lain, kanak-kanak ini akan demam.

Rumah defendan disewa daripada DBKL dengan kadar sewa RM125 sebulan. Terletak di tingkat 14 bangunan dan mempunyai tiga bilik. Mereka telah mendiami rumah tersebut semenjak tiga bulan yang lalu kerana takut ibu *h* kandung kanak-kanak tersebut datang mengganggu. Ibubapa angkat telah menyatakan kesanggupannya untuk menjaga kanak-kanak ini, dan terlalu takut kehilangannya dalam hidup mereka, kerana mereka telah menjaga kanak-kanak ini sejak berusia dua hari hingga kini.

i

Di akhir laporan ini pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat merumuskan bahawa, sepanjang kanak-kanak ini berada dengan keluarga angkat, kanak-kanak ini telah dijaga dengan baik dan kelihatan begitu mesra dan manja dengan mereka. Ibubapa angkat begitu mengambil berat tentang kanak-kanak ini samada dari segi kesihatan, pendidikan dan kebajikannya. Ibubapa angkat mampu untuk membesarkan kanak-kanak ini dengan sebaik yang mungkin dan dengan penuh kasih sayang yang tidak berbelah bagi.

Afidavit-Afidavit

Merujuk kepada afidavit-afidavit serta penghujaan kedua-dua belah pihak, plaintif telah tidak menafikan pemberian anak angkat kepada defendan-defendan di dalam kes ini. Namun, wujud percanggahan fakta tentang waktu pemberian kanak-kanak tersebut. Plaintif menyatakan bahawa kanak-kanak tersebut telah diberikan sewaktu berusia lebih kurang lapan atau sembilan bulan, manakala, defendan-defendan menyatakan bahawa kanak-kanak tersebut telah diberikan pada 28 Jun 1999, iaitu sewaktu anak itu baru berusia (2) dua hari.

Pihak plaintif telah mengemukakan dua afidavit untuk menyokong kenyataannya ini. Afidavit pertama diikrarkan oleh abang kandung plaintif yang benama Madan Singh a/l Thulasidas pada 4 Disember 2003, dan afidavit kedua pula diikrarkan oleh jiran plaintif iaitu Chandrabose a/l Rengasamy pada 10 Disember 2003. Kedua-dua mereka menyatakan bahawa di dalam pengetahuan mereka anak tersebut tidak pernah diserahkan oleh plaintif kepada defendan-defendan pada 28 Jun 1999. Anak tersebut hanya diberikan kepada defendan-defendan bila anak tersebut berusia lapan atau sembilan bulan.

Pihak defendan menafikan perkara ini dan telah merujuk kepada surat akuan berkanun keizinan pengangkatan (encl. 2 eks. AS2) yang telah dikemukakan oleh plaintif sendiri. Bagi lebih memahami keterangan pihak defendan ini, berikut diperturunkan akuan berkanun tersebut, yang telah dibacakan dan diterangkan oleh Pesuruhjaya Sumpah (S. Murugesan) kepada plaintif dan isterinya:

Lampiran A

SURAT KEIZINAN PENGANGKATAN

AKUAN BERKANUN

Kami AJIT SINGH A/L MANGAL SINGH @ THULASIDAS No. K.P 631212-10-6941 dan LEELA No. K.P 640121-71-5172 yang beralamat No. 19C 788 Taman Karuppiah Padang Jawa, 41300 Klang dengan sesungguhnya mengaku bahawa:

(a) kami adalah bapa kandung dan ibu kandung kepada kanak-kanak

(b) kami telah memberi anak perempuan kami bernama SIMRAN yang lahir pada 26hb. Jun 1999 di Klang mengikut sijil kelahiran No. AM 30121 dikeluarkan oleh JPN Negeri Selangor pada 07hb. Julai 1999 kepada RAJA KUMAR A/L MANGAL SINGH Kad Pengenalan No. 660331-10-7421 dan BINDA A/P ARJAN SINGH @ MALLY SINGH Kad Pengenalan No. 750608-14-5404 untuk diambil sebagai anak angkat.

(c) kami faham akan keadaan dan surat keizinan ini dan khususnya kami faham kesan surat ini akan melucutkan hak kami sebagai ibubapa kandung.

(d) kami tidak akan menuntut balik kanak-kanak itu.

(e) kami telah menyerah kanak-kanak itu kepada ibubapa angkat mereka pada 28hb. Jun 1999

Kami membuat surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut dalam borang ini adalah benar serta menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang namanya di atas:

(1) AJIT SINGH A/L MANGAL SINGH @ THULASIDAS (1) t.t

(2) LEELA (2) t.t

Di hadapan saya,

(Telah dibacakan serta diterangkan oleh
S. Murugesan)

t.t
Pesuruhjaya Sumpah No. W 205
S. Murugesan

Berdasarkan akuan berkanun ini, defendan-defendan menyatakan bahawa dakwaan plaintif, Encik Madan dan Chandrabose yang menyatakan bahawa anak tersebut diberi ketika anak tersebut berusia lapan sehingga sembilan bulan adalah bercanggah dengan keterangan yang dieksibitkan di dalam afidavit plaintif sendiri. Akuan berkanun "AS2" yang telah ditandatangani oleh plaintif dan isterinya mengesahkan bahawa anak tersebut telah diberikan kepada defendan-defendan semenjak 28 Jun 1999.

Bagi menjawab percanggahan ini, plaintif telah mendakwa bahawa beliau tidak mengetahui isi kandungan akuan berkanun tersebut kerana beliau adalah seorang yang buta huruf. Malah, beliau juga mendakwa bahawa defendan pertama memberitahu kepada beliau bahawa akuan berkanun tersebut adalah borang untuk memohon cuti atas alasan perlu menjaga anak tersebut.

Dakwaan plaintif bahawa beliau adalah seorang yang buta huruf diperingkat ini adalah amat meragukan, kerana melalui laporan sosial oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, latarbelakang pendidikan plaintif ialah sehingga tingkatan 3. Seterusnya, di peringkat awal tindakan ini serta di dalam kesemua afidavit, plaintif telah menandatanganinya dalam bahasa rumi. Manakala afidavit sokongan (encl. 2) telah diikrarkan oleh plaintif tanpa penterjemahan dan begitu juga dengan akuan berkanun yang dieksibitkan sendiri oleh plaintif (encl. 2 "AS2"), juga diikrarkan tanpa penterjemahan.

Malah jika diteliti dengan terperinci, dakwaan plaintif tentang tidak mengetahui isi kandungan akuan berkanun ini, serta telah diperdaya oleh defendan pertama adalah sekali lagi bercanggah dengan eks. "AS4" (encl. 2), yang juga dikemukakan oleh plaintif sendiri di dalam afidavitnya. Surat plaintif yang bertarikh 4 Mei 2002 serta 3 Jun 2002 (surat yang sama) yang menyatakan seperti berikut di perenggan 3:

> Our clients inform us further that on 25 May 2000 at your request, our clients entered into an agreement with you under the terms of which our clients swore a statutory declaration giving on adoption to you, the said child named Simran on the express condition that the said child would reside with you and our clients would have the right to visit the child at any time.

Isi kandungan surat ini membuktikan bahawa plaintif sememangnya telah sedia maklum sewaktu mereka hendak menandatangani akuan berkanun tersebut, bahawa ianya adalah bagi mengesahkan pemberian anak angkat kepada pihak defendan. Oleh itu, dakwaan plaintif tentang buta huruf, tidak memahami isi kandungan akuan berkanun dan diperdaya oleh defendan pertama adalah tidak benar sama-sekali.

Peruntukan Undang-undang

Peruntukan undang-undang di dalam mengambil/mengangkat seorang kanak-kanak sebagai anak angkat di Semenanjung Malaysia bagi kaum bukan melayu, boleh dilakukan mengikut adat atau statut. Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 membolehkan pengangkatan *de facto* (atau sebenar) didaftarkan dibawahnya bagi pengangkatan menurut adat. Manakala, pengangkatan mengikut status di Semenanjung Malaysia, Akta Pengangkatan 1952 adalah terpakai.

Merujuk kepada fakta kes di dalam tindakan ini, pendaftaran anak angkat telah dilakukan oleh defendan-defendan pada 19 Februari 2002 mengikut peruntukan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952. Walaubagaimanapun, beberapa syarat telah diperuntukkan di bawah s. 6 Akta ini sebelum seseorang pendaftar boleh menyimpan semua butir-butir terperinci mengenai pengangkatan itu ke dalam buku catatan pendaftar.

Seksyen 6 Akta ini memperuntukkan bahawa kanak-kanak yang hendak diambil sebagai anak angkat mestilah berumur di bawah 18 tahun dan tidak pernah berkahwin. Kanak-kanak tersebut hendaklah berada dalam jagaan atau diasuh, ditanggung dan diberi pendidikan oleh seseorang atau sepasang kelamin bersama sebagai anaknya atau anak mereka menurut pengangkatan *de facto* selama tidak kurang daripada dua tahun berturut-turut sebelum sahaja tarikh permohonan untuk pendaftaran. Orang itu atau pasangan suami isteri dan kanak-kanak berkenaan akan hadir di hadapan pendaftar dan akan mengemukakan segala keterangan sama ada secara lisan atau dokumen yang boleh memuaskan hati pendaftar yang pengangkatan sedemikian benar-benar telah diadakan. Jika ibu bapa atau penjaga telah memberi persetujuan melalui perisytiharan statutori, maka kehadirannya atau mereka tidak diperlukan sewaktu pendaftaran.

Isu Defendan-defendan Memungkiri Akujanji Sewaktu Pemberian Anak Angkat

Plaintif mendakwa bahawa wujud akujanji/"agreement" di antara defendan-defendan dan plaintif sewaktu pemberian anak angkat tersebut yang membenarkan plaintif dan isterinya terlibat di dalam penjagaan serta pembesarannya. Bagi memahami isu ini dengan lebih jelas, berikut diperturunkan perenggan 3, 4 dan 5 dari surat tuntutan plaintif bertarikh 14 Mei 2002 (encl. 2 "AS4") yang menyatakan tentang kewujudan satu "agreement" dan "an express term of the agreement" di antara plaintif dan defendan-defendan:

3. Our clients inform us further that on 29/5/2000 at your request, our clients entered into **an agreement** with you under the terms of which our clients swore a statutory declaration giving on adoption to you, the said child named Simran on the express condition that the said would reside with you and our clients would have the right to visit the child at any time.

4. Further our clients inform us that it was **an express term of agreement** that you had undertaken not to change the name of the said child from the child's said given name Simran.

5. We are further informed by our clients, that contrary to the terms of the said **agreement** between you and our clients in reliance of which our clients had made the aforesaid Statutory Declaration, you have prevented our clients from being allowed to visit the said child and have further, changed the name of the said child to Manisha.

Berdasarkan isi kandungan surat ini, plaintif mendakwa bahawa defendan-defendan telah melanggar akujanji/"agreement" apabila tidak membenarkan plaintif dan isterinya melawat kanak-kanak tersebut, dan menukar nama 'Simran' kepada 'Manisha'. Plaintif juga mendakwa bahawa defendan-defendan dengan niat buruk telah berpindah dari rumah mereka yang berdekatan dengan rumah plaintif ke tempat yang lain. Perpindahan ini mengakibatkan plaintif dan isterinya tidak dapat berjumpa lagi dengan kanak-kanak tersebut.

Defendan-defendan telah menafikan dakwaan plaintif ini, dan menyatakan bahawa plaintif dan isterinya telah dengan sukarela menyerahkan kanak-kanak tersebut kepada defendan-defendan pada 28 Jun 1999, dengan fahaman bahawa kanak-kanak tersebut akan menjadi sebagai anak defendan-defendan sendiri. Seterusnya, defendan-defendan menyatakan bahawa mereka telah menerima kanak-kanak tersebut, dan defendan kedua kemudiannya telah berhenti bekerja, bagi tujuan menjaga dan mengasuh kanak-kanak tersebut.

Seterusnya, melalui afidavit jawapan (encl. 9 perenggan 23), defendan-defendan menyatakan bahawa mereka telah mengarahkan supaya peguamcara mereka untuk mendapatkan sesalinan "agreement" sepertimana yang dinyatakan di dalam surat plaintif (encl. 2 "AS4") tersebut. Namun walaupun surat-surat dari peguamcara defendan-defendan telah dihantar pada 16 Ogos 2003 dan diikuti dengan surat susulan bertarikh 7 Oktober 2003 (encl. 9 "RK3") kepada peguam plaintif bagi mendapatkan "agreement" tersebut, namun sehingga kini peguam defendan-defendan tidak menerima sebarang maklum balas.

Meneliti kepada keterangan-keterangan yang diberikan di dalam isu ini berkali-kali, saya tidak terjumpa sebarang keterangan atau bukti yang menyokong dakwaan plaintif bahawa defendan-defendan berjanji untuk membenarkan plaintif dan isterinya terlibat didalam penjagaan dan pembesaran anak tersebut. Isi kandungan surat tuntutan plaintif ("AS4") juga hanya menyatakan bahawa plaintif dan isterinya dibenarkan melawat/visit anak tersebut sahaja. Kesimpulannya, dakwaan plaintif tentang isu ini hanyalah satu penyataan kosong tanpa sebarang bukti.

Isu Syarat-syarat Pengangkatan Di Bawah s. 6 Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 Adalah Tidak Dipenuhi

Plaintif melalui penghujahan bertulisnya mendakwa bahawa, merujuk kepada s. 6 Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, sesuatu pendaftaran pengangkatan *de facto* hanya boleh dilakukan apabila kanak-kanak tersebut telah berada di bawah jagaan sesuatu pasangan untuk tempoh masa berterusan selama dua tahun.

Seterusnya, plaintif mendakwa bahawa kanak-kanak tersebut tidak pernah berada di bawah jagaan defendan-defendan untuk tempoh masa berterusan dua (2) tahun. Ini adalah kerana walaupun plaintif memberikan kanak-kanak tersebut kepada defendan-defendan pada sekitar Febuari atau Mac 2000, namun memandangkan rumah plaintif dan defendan-defendan adalah berdekatan, kanak-kanak tersebut selalu dan setiap masa berada di rumah mereka bersama-sama dengan adik-beradik yang lain. Ini berterusan sehingga kanak-kanak tersebut berusia lebih kurang dua tahun, iaitu dalam atau pada sekitar bulan Julai 2001. Plaintif juga mendakwa bahawa sepanjang masa itu beliau telah menanggung/menyara kanak-kanak tersebut. Bagi membuktikan dakwaan ini plaintif telah mengemukakan sesalinan rekod kesihatan dan perkembangan kanak-kanak yang dieksibitkan sebagai "AS5".

Dakwaan plaintif tentang isu ini telah sekali lagi disokong oleh dua (2) affidavit, yang diikrarkan oleh abang kandung plaintif bernama Madan Singh serta jiran plaintif yang bernama Chandrabose. Mereka menyatakan bahawa memandangkan rumah-rumah defendan adalah berdekatan pada masa tersebut, mereka nampak bahawa kanak-kanak tersebut selalu dan setiap masa berada di rumah plaintif bersama-sama dengan adik-beradik beliau sehingga beliau berusia lebih kurang dua tahun, iaitu dalam atau sekitar bulan Jun 2001.

Oleh itu, plaintif mendakwa defendan-defendan telah melanggar peruntukan s. 6. Tambahan pula menurut plaintif, beliau dan isterinya tidak pernah hadir di Pejabat Jabatan Pendaftaran Negari di Klang untuk memberikan persetujuan pada masa permohonan pengangkatan dibuat.

Defendan-defendan menafikan keseluruhan kenyataan plaintif tentang isu ini serta keterangan oleh afidavit Encik Madan dan Chandrabose. Pihak defendan telah sekali lagi merujuk kepada akuan berkanun (AS2) yang difailkan oleh plaintif sendiri, yang mana dengan jelas mengesahkan bahawa anak tersebut telah diserahkan kepada defendan pada 28 Jun 1999 sebagai anak angkat. Oleh itu, sewaktu pendaftaran anak angkat dibuat pada 19 Febuari 2002, tempoh masa penjagaan berterusan selama dua tahun sepertimana kehendak s. 6 Akta telah dipenuhi.

Merujuk pula kenyataan plaintif bahawa beliau dan isteri tidak pernah hadir ke pejabat Jabatan Pendaftaran Negeri untuk memberi persetujuan pengangkatan, pihak defendan berhujah bahawa Pendaftar Anak Angkat, Jabatan Pendaftaran Negeri, Daerah Klang telah membuat keputusan bahawa beliau berhak untuk mendaftarkan pengangkatan tanpa kehadiran plaintif dan isterinya.

Seterusnya defendan-defendan menafikan eks. "AS5" yang dikemukakan oleh plaintif bagi membuktikan bahawa beliau menjaga dan menanggung anak tersebut dan menyatakan bahawa butir-butir lanjut di dalam eksibit itu tidak di ketahui. Malah, apa yang jelas dinyatakan dalam kad tersebut ialah "kad baru buat, kad lama sudah diambil bapa saudara" membuktikan bahawa defendan-defendan juga telah melakukan perkara yang sama.

Merujuk kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua belah pihak, tentang isu jagaan ini, adalah wajar untuk mengetahui maksud perkataan tersebut di sisi undang-undang. Perkataan 'jagaan' tidak ditakrifkan di dalam Akta Pendaftaraan Pengangkatan 1952 atau mana-mana undang-undang Malaysia lain yang relevan. Merujuk kepada *Halsbury's Laws of England* di ms 413 para 729 tercatat perundangan sedemikian:

> the term 'custody' was widely used in the context of a relationship between a child and others, notwithstanding uncertain as to its meaning.

YA Hakim James Foong di dalam kes *Tang Kong Meng v. Zainon bte Md Zain & Anor* [1995] 4 CLJ 409 telah memutuskan bahawa perkataan jagaan dimaksudkan dengan jagaan fizikal. Di dalam kes ini walaupun defendan mempunyai jagaan fizikal ke atas anak angkat tersebut, untuk lebih dari dua (2) tahun sebelum permohonan untuk pengangkatan dibuat, namun fakta kes membuktikan bahawa penyaraan anak tersebut telah dibayar oleh plaintif dan ibu kandungnya. Oleh itu keperluan di bawah s. 6(1) Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 tidak dipenuhi dan mengakibatkan pendaftaran pengangkatan anak tersebut menjadi tidak sah *ab initio*.

Berbalik kepada kes ini, selain daripada keterangan plaintif sendiri, bahawa beliau menjaga dan menanggung anak tersebut sehingga Julai 2001, tiada bukti lain yang dapat menyokong keterangannya. Afidavit Encik Madan dan Chandrabose yang cuba hendak digunakan untuk menyokong keterangan plaintif di dalam isu ini adalah tidak relevan.

Keterangan mereka hanyalah menyatakan secara am bahawa mereka nampak kanak-kanak tersebut berada sepanjang masa di rumah plaintif sehingga Julai 2001. Merujuk kepada kes *Re S.S* 1 MLJ [1975] ms. 58 Winslow telah menyatakan bahawa mahkamah seharusnya memberi sepenuh pertimbangan kepada semua kedudukan di dalam membicarakan kes-kes pengangkatan:

> It therefore behoves the court to exercise the discretion entrusted to it after a full and careful consideration of all circumstances of the case including the welfare of the child which though not necessarily the sole consideration, is one of the prime importance.

Adalah menjadi satu fakta di dalam kes ini, selain daripada hubungan kekeluargaan sebagai saudara sekandung, rumah kediaman pihak-pihak di dalam kes ini juga adalah berdekatan, selang dua hingga tiga rumah. Oleh itu, apabila kanak-kanak tersebut dilihat sentiasa berada di rumah plaintif, ianya bukanlah membuktikan bahawa plaintif menjaganya. Sebaliknya jika rumah defendan-defendan adalah berjauhan dengan rumah plaintif, maka keterangan Encik Madan dan Chandrabose yang nampak anak tersebut sentiasa berada di rumah plaintif bolehlah dianggap sebagai plaintif yang menjaganya.

Daripada fakta-fakta ini, juga kewujudan dan kedudukan anak-anak plaintif yang lain, yang tinggal bersama-sama plaintif pada masa material hendaklah diambilkira. Dua (2) orang anak-anak plaintif yang lain adalah Jagdeep yang berusia lebih kurang 16 tahun dan Lalehan 13 tahun. Semestinyalah mereka berdua ini ternanti-nanti kehadiran 'adik bongsu' mereka, setelah melihat dan tinggal bersama-sama ibu mereka yang telah mengandung selama sembilan bulan. Oleh itu, apabila 'adik bongsu' mereka diberikan kepada defendan-defendan, semestinyalah mereka menyedari akan perkara ini. Dengan jarak rumah yang berdekatan, seharusnya tangisan bayi tersebut sahaja sudah dapat didengari, dan ditambah pula defendan-defandan adalah 'ibubapa saudara' mereka, perhubungan kanak-kanak tersebut dengan adik beradiknya dalam kedudukan/circumstances ini, tidak mungkin boleh dipisahkan.

Kenyataan Encik Madan dan Chandrabose yang sentiasa nampak kanak-kanak ini bermain bersama-sama mereka adalah satu lumrah di dalam hubungan adik-beradik. Perhubungan adik beradik sebegini disifatkan sebagai "air dicincang takkan putus". Namun, ini semua tidak membuktikan bahawa mereka (plaintif) menjaga atau menanggung kanak-kanak tersebut. Menurut laporan sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat melapor mengenai latarbelakang defendan kedua (ibu angkat), bahawa beliau telah berhenti kerja dengan pendapatan sebanyak RM1,500 sebulan, semata-mata untuk menjaga kanak-kanak tersebut. Oleh itu, setiap kali kanak-kanak tersebut dilihat oleh Encik Madan dan Chandrabose di rumah plaintif, haruslah diingat bahawa ibu angkat akan sentiasa ada bersama.

Saya merujuk pula kepada kenyataan plaintif bahawa beliau dan isterinya tidak pernah hadir ke pejabat pendaftaran negeri untuk memberikan persetujuan tentang pengangkatan tersebut. Peruntukan s. 6(a) dan (b) Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, menggariskan di antara syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh pasangan yang ingin mendaftar pengangkatan *de facto* selepas menjaga seseorang anak secara berterusan selama dua (2) tahun. Pasangan suami isteri dan kanak-kanak berkenaan akan hadir di hadapan pendaftar dan akan mengemukakan segala keterangan, sama ada secara lisan atau dokumen, yang boleh memuaskan hati pendaftar yang pengangkatan sedemikian benar-benar telah diadakan. Jika ibu bapa atau penjaga telah memberi persetujuan melalui perisytiharan statutori, maka kehadirannya atau mereka tidak diperlukan.

Oleh itu, berdasarkan akuan berkanun eks. AS2, Pendaftar Anak Angkat telah memproses permohonan pengangkatan dan menggunakan budibicaranya untuk mengecualikan kehadiran plaintif dan isterinya, serta telah mendaftarkan pengangkatan anak tersebut dengan nama baru iaitu "Manisha" pada 19 Febuari 2002, sepertimana yang dieksibitkan sebagai RK4.

Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan kes ini, saya ingin mengulang kata-kata YA Hakim Dato' Dr. Visu Sinnadurai di dalam kes *Re: Baby M (an infant) (adoption consent)* [1994] 3 CLJ ms 108 berkenaan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan di dalam membicarakan kes pengangkatan:

> In any case, I need not inquire as to the motives or reasons as to why the natural parents changed their minds. That was alright which they had, and their change of mind should not count much in my consideration as to whether the withholding of their consent is reasonable or unreasonable. But, I should stress that the original decision of the natural parents, of course led to the infant being entrusted to the care of an infant being taken away from its parents against their wishes. It was the natural parents themselves who initially agreed to give the infant up for adoption, and subsesequently gave some form of formal consent.

Cubaan-cubaan yang dilakukan oleh plaintif di dalam kes ini bagi menafikan akuan berkanun "AS2" yang ditandatangani oleh plaintif dan isterinya sendiri seperti buta huruf, tidak memahami isikandungan serta diperdaya oleh defendan satu, telah dibuktikan sebagai tidak benar sama sekali. Oleh itu, plaintif adalah terikat dengan isikandungan akuan berkanun tersebut.

Meneliti pula mengenai kebajikan anak tersebut, secara munasabah, jika dipulangkan kembali ke pangkan keluarga asal ini akan menimbulkan banyak masalah. Dari segi perhubungan dan emosi, adalah diakui bahawa kanak-kanak ini adalah begitu rapat dengan keluarga angkat. Perkara ini terbukti di hadapan saya sendiri. Ini disokong pula oleh laporan kebajikan masyarakat yang menyatakan jika kanak-kanak ditinggalkan sementara oleh ibubapa angkat, lebih dari tiga jam, maka kanak kanak tersebut akan demam. Bayangkan, apa yang akan terjadi jika kanak-kanak tersebut dipisahkan terus dengan keluarga angkat.

Keadaan ekonomi dan keadaan rumah keluarga defendan-defendan, jika dibandingkan dengan keluarga plaintif, adalah lebih stabil dan selesa untuk penjagaan dan pembesaran yang sempurna kepada kanak-kanak tersebut. Malah, defendan-defendan boleh memberi sepenuh kasih sayang jika di banding dengan plaintif kerana mereka sememangnya tidak mempunyai anak.

Mengambilkira keseluruhan fakta-fakta yang terdapat di dalam kes ini, saya berpuas hati bahawa pengangkatan ini seharusnya dikekalkan untuk kebaikan serta kebajikan kanak-kanak tersebut. Malah, plaintif sebenarnya di estop dari menuntut kembali anak ini berdasar akuan berkanun "AS2". Oleh itu, saya memutuskan permohonan plaintif untuk membatalkan pemberian anak angkat kepada defendan-defendan adalah ditolak dengan kos tetapi diberi akses yang munasabah kepada plaintif untuk melawat kanak-kanak tersebut.